

## **Transformasi dari 'negeri' ke 'wilayah': Satu perbincangan awal**

### **ABSTRAK**

Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri Malaysia semasa berucap dalam Majlis Makan Tengah Hari Bersama Kepimpinan Masyarakat di Kuching, Sarawak pada 02 April 2021 telah mengumumkan panggilan untuk Sarawak dan Sabah yang sebelumnya disebut sebagai 'negeri' ditukar kepada 'wilayah' serta merta. Pengumuman tersebut telah mendapat pelbagai reaksi dari para pemimpin tempatan, pihak media dan netizen apabila mereka mula membincangkan dan berdebat tentang istilah berkenaan. Sebilangan didapati bersetuju dan tidak kurang pula yang menentang. Ada juga antara pihak berkenaan menganggap apa yang dimaklumkan oleh Perdana Menteri itu sebagai suatu sandiwara atau lakonan sahaja yang bertujuan politik kerana menurut mereka perubahan panggilan kepada wilayah bakal merendahkan taraf Sabah dan Sarawak menjadikannya sama seperti wilayah yang ada di Malaysia seperti Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Sehubungan itu, mereka menegaskan bahawa penggunaan istilah wilayah tidak wajar memandangkan ianya bertentangan dengan hakikat bahawa ketika Malaysia ditubuhkan pada 1963, Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak mempunyai kedudukan yang sama sebagai rakan sekutu. Keadaan ini menjadi gambaran awal tentang wujudnya pelbagai isu dalam usaha mengubah panggilan Sabah dan Sarawak dari negeri ke wilayah yang mana hal ini seringkali dikaitkan dengan status serta hak-hak Sabah dan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia. Berdasarkan aplikasi pendekatan kualitatif maka kertas kerja ini mengetengahkan perbincangan awal tentang aspirasi Perdana Menteri untuk mengubah nama panggilan Sabah dan Sarawak dari negeri ke wilayah. Adalah diharapkan dengan membaca kertas kerja ini maka para pembaca dapat memahami hubungkait diantara spirasi tersebut dengan status serta hak-hak Sabah dan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia.